

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

SOALAN NO. 244

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan atau pelan Kerajaan untuk mengembangkan pelan Peka B40 kepada golongan berumur 30 tahun ke atas untuk menggalakkan pengesanan dan rawatan awal untuk menangani masalah NCDs dan CDs yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 telah dilaksanakan di seluruh Negara sebagai projek perintis bermula 15 April 2019. Skim ini memberi fokus kepada saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit. Empat pakej manfaat yang ditawarkan adalah:

- 1) Saringan Kesihatan;
- 2) Bantuan Alat Perubatan;
- 3) Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser; dan
- 4) Insentif Tambang Pengangkutan.

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang berumur 50 tahun ke atas dan pasangannya yang berdaftar adalah layak secara automatik menyertai skim ini. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mempertimbangkan untuk mengembangkan PeKa B40 setelah penilaian menyeluruh terhadap projek perintis ini dilaksanakan dan mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Sekian, terima kasih.